

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI MESYUARAT MENTERI-MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI PERIKATAN BERKENAAN DENGAN PELAKSANAAN BAHASA KEBANGSAAN, PADA 16 MAC, 1965

Mengikut Perlembagaan Malaysia, tarikh pelaksanaan pemakaian Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal di negara ini ialah pada tahun 1967. Kerana keinsafan dan kesedaran ini, Kerajaan terpaksa membuat persiapan untuk melaksanakan kehendak Perlembagaan ini dan menunaikan janji Perikatan dalam pilihanraya-pilihanraya untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan.

Adalah sangat penting ini dilaksanakan untuk melicinkan pembentukan satu rupa bangsa dan untuk menjadikan Bahasa Kebangsaan bahasa rasmi yang tunggal dan bahasa yang menyatupadukan semua rakyat Malaysia dan melahirkan semangat kebangsaan Malaysia yang sebenar. Kita mesti menunaikan ini dengan sebaik-baiknya bagi kepentingan siasah kita dan keselamatan negara kita seluruhnya.

Tujuan mesyuarat ini ialah untuk kita bersama-sama memikirkan apa jalan yang sebaik-baiknya untuk melaksanakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi yang tunggal yang digunakan di seluruh jabatan-jabatan negeri dan Federal. Saya sedar, setengah-setengah negeri seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Johor mungkin juga Melaka, Bahasa Kebangsaan boleh mengambil tempat Bahasa Inggeris dalam serba serbi lapangan besok pun, kecuali mungkin di Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan lain-lain lapangan yang khas. Ini adalah kerana sejarah negeri-negeri ini sebelum merdeka dan sebelum perang, semasa negeri-negeri ini menjadi anggota negeri-negeri Yang Tidak Bersekutu, bahasa rasmi yang digunakan di negeri-negeri ini ialah Bahasa Melayu. Saya juga sedar bahawa negeri-negeri lain seperti Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan sekarang sedang berusaha dengan sedaya upayanya untuk melaksanakan pemakaian Bahasa Melayu. Mungkin kemajuannya tidak begitu hebat seperti kemajuan yang telah dicapai oleh negeri-negeri seperti Johor, Kelantan, Terengganu, Melaka, Kedah dan Perlis.

Mesyuarat ini akan membincangkan dan saya mahu mendengar pendapat-pendapat tiap-tiap Menteri Besar dan Ketua Menteri, tentang bagaimana caranya yang baik dan berkesan sekali bagi kita mencapai dan menjamin kemajuan dalam pelaksanaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di tiap-tiap negeri-negeri dan seluruh Negara dengan serentak. Kita tidak mahu pula tiap-tiap negeri beriumba-lumba dalam

hal ini kerana itu akan menimbulkan banyak salah faham kelak. Kita tidak pula mahu Terengganu menjalankannya 100% besok kalau negeri-negeri lain seperti negeri Selangor tidak boleh berbuat begitu. Kalau ini berlaku, rakyat akan bertanya kenapa Terengganu boleh, Selangor tidak boleh.

Kita bercadang supaya segala usaha dapat dijalankan bersama-sama supaya tiap-tiap negeri akan sama-sama sampai kepada matlamatnya pada masa yang sama. Maka terletaklah pada kita pada hari ini untuk membincangkan hal ini. Saya suka menarik perhatian tuan-tuan bahawa ada baiknya jika kita memikirkan mengadakan 'masa perantaraan' (transitional period) untuk melaksanakan Bahasa Kebangsaan ini. Mungkin pada tahun 1966 kita akan berikhtiar menjalankan segala hal ehwal pentadbiran Kerajaan Negeri dan Pusat melalui Bahasa Kebangsaan 70% dan pada tahun 1967 100% iaitu matlamat kita. Jika ini dijalankan maka tiap-tiap rakyat dan badan-badan perusahaan diberi amaran yang cukup untuk mereka dapat membuat persediaan-persediaan masing-masing supaya mereka mendapat kemajuan selaras dengan pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang dijalankan oleh Kerajaan.

Saya yakin soal pemakaian Bahasa Kebangsaan ini tidak akan menimbulkan apa-apa pergaduhan kerana semua rakyat di negeri ini telah sedar dan telah menerima Perlembagaan kita yang menjamin Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa yang tunggal dalam tahun 1967. Dalam masa itu pun, kita memberi kebebasan kepada bahasa-bahasa lain untuk hidup dan dipelajari oleh mereka yang suka mempelajarinya. Mustahak kita mengamalkan dasar ini dengan sempurna. Jika kita tidak ada rancangan-rancangan dan persiapan-persiapan yang baik untuk melaksanakan Bahasa Kebangsaan pada tahun 1967 saya takut nanti banyak perkara-perkara yang tidak diingini akan timbul kerana orang-orang kita Melayu yang meluap-luap semangatnya berkehendak dan sangat wajar pula kita mesti patuh kepada kehendak-kehendak mereka dan Perlembagaan iaitu Bahasa Kebangsaan mesti diisytiharkan bahasa rasmi yang tunggal pada tahun 1967.

Kalau misalnya pelaksanaan itu tidak dijalankan pada tahun 1967 dengan sepenuhnya atau hampir penuh maka saya rasa banyak perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku kelak — setengah-setengah orang Melayu akan mengecat papan-papan tanda yang bertulis dalam Bahasa Cina pada tahun 1967. Jika tidak ada persiapan-persiapan untuk menggantikan bahasa-bahasa ini dengan Bahasa Kebangsaan dari sekarang atau kedua-dua bahasa itu dipakai bersama-sama maka pergaduhan-pergaduhan akan timbul. Orang-orang Cina akan marah terhadap orang-orang Melayu mengecat papan-papan tanda yang bertulis dalam Bahasa Cina dan orang-orang Melayu akan marah dan sudah

sewajarnya kerana Bahasa Kebangsaan sudah menjadi bahasa rasmi yang tunggal pada tahun 1967. Yang baik kedua-dua bahasa boleh dipakai tetapi Bahasa Kebangsaan tempat yang utama. Perbuatan cat mengecat papan-papan yang bertulis Inggeris tidak akan menimbulkan kemaiahan daripada sesiapaupun. Saya sedar ini mungkin berlaku dan kerana inilah saya menjemput tuan-tuan untuk berunding tentang cara-cara yang sebaik-baiknya untuk melaksanakan Bahasa Kebangsaan dengan sangat berkesan dan licin.

Terima kasih.